

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk membedah siasat FELDA dan meminda Akta Tanah (Kawasan penempatan Berkelompok) 1960 agar peneroka boleh membawa kes mereka ke mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja mengenai perkara ini.
2. Kertas Kertas Putih FELDA tersebut telah menggariskan beberapa langkah pemerkasaan bagi pemulihan FELDA. Model baharu yang dicadangkan merangkumi inisiatif jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan pembangunan tanah rancangan FELDA terus mampan. Perincian langkah penyelesaian dan hala tuju FELDA telah dijelaskan secara terperinci dalam Bab 5, Kelestarian dan Kemandirian FELDA.

Sekian, terima kasih.